



AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	1/6/2017	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	FRIM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Tanam pokok ipoh selepas Ramadan

➔ Ganti pohon ditumbang ribut

Oleh **Balqis Jazimah Zahari**
bhnews@bh.com.my

Ipoh

Pokok Ipoh di hadapan Dewan Bandararan Ipoh, di sini yang musnah dan tumbang akibat kejadian hujan lebat dan ribut pada April lalu, akan diganti dengan pokok ipoh yang baharu.

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Zamri Man, berkata pokok ikonik ban-

dar raya berusia 34 tahun itu akan diganti semula dengan jenis pokok yang sama yang mana tarikh penanamannya dijangka dilakukan selepas bulan puasa ini.

Ganti pokok baharu

"Bukan setakat penduduk bandar raya Ipoh yang berasa sedih apabila pokok itu tumbang tetapi perasaan sama turut diuahkan orang ramai dari seluruh negara melalui media sosial.

"Pokok ipoh adalah lambang

Pokok ipoh tumbang di Dataran Keretapi Tanah Melayu, Ipoh pada 28 April lalu.



[FOTO BALQIS JAZIMAH ZAHARI/BH]

bandar raya ini dan dimiliki oleh semua, justeru kita akan menjemput semua pihak yang berkepentingan dengan Ipoh termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk turut serta ketika hendak majlis menanam semula meng-

gantian pokok yang tumbang itu," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Badan MBI di Bangunan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), di sini, semalam.

Zamri berkata, sebaik menerima

laporan berkenaan kejadian pokok itu tumbang, beliau serta merta mengarahkan pegawai untuk ke lokasi bagi membuat tindakan segera untuk memastikan pokok itu diselamatkan.

Rujuk pakar tumbuhan

"Namun, ia tidak dapat diselamatkan kerana pokok itu patah terus, kalau patah sedikit mungkin kita boleh mendapatkan jentera dan sebagainya bagi menolak atau menyokong pokok... tetapi apabila

patah terus kita tidak boleh buat apa-apa selain menggantikan dengan yang baharu," katanya.

Sementara itu, mengulas beberapa kejadian pokok tumbang di bandar raya ini April lalu yang turut memabatkan kemalangan jiwa, Zamri berkata, pihaknya sudah meminta pakar tumbuhan-tumbuhan MBI untuk merujuk dan meminta khidmat nasihat beberapa institusi termasuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)